

Headline	TNB tidak lepas tangan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	25	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	139 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 764
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,292



## TNB tidak lepas tangan

**KUALA SELANGOR** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kawasan Kuala Selangor tidak menafikan menerima aduan berhubung kekerapan kerosakan termasuk bekalan elektrik terputus di kawasan perumahan di Puncak Alam.

Pengurus TNB Kawasan Kuala Selangor, Mohd Nazri Puteh berkata, pihaknya turut menerima aduan penduduk berhubung isu sarna dan hasil siasatan mendapati kerosakan itu berpunca akibat kerja penggalian pihak ketiga dan kerosakan kabel.

Menurutnya, pihaknya tidak lepas tangan dan mengambil tindakan proaktif menjalankan kerja penyelenggaran secara berkala untuk membendung kerosakan sehingga paling minima sebaik mungkin.

"Selain itu, TNB Kawasan Kuala Selangor juga dalam usaha untuk memperkuatkkan sistem voltan tinggi yang dilaporkan berlaku di kawasan perumahan itu bahkan inisiatif sama turut dilaksanakan di seluruh Kuala Selangor.

"Setakat ini, 30 projek TNB yang dilaksanakan di daerah ini termasuk Puncak Alam ma-



MOHD NAZRI

nakala lapan lagi di Sungai Besar memandangkan kawasan penyelenggaran meliputi Sabak Bernam," katanya.

Mohd Nazri berkata, tidak timbul isu curi elektrik di penempatan pekerja kontraktor di kawasan pembinaan kerana pemaju selalunya membuat permohonan kepada TNB terlebih dahulu.

Namun katanya, pihaknya akan sentiasa menjalankan pemantau melalui aduan diterima kerana bagi saya, kepuasan pelanggan menjadi keutamaan kami dan berusaha sebaik mungkin untuk memberikan perkhidmatan terbaik.

"Selain itu, fenomena kecurian bekalan elektrik di penempatan penduduk bukan sahaja berlaku di daerah ini bahkan berlaku di seluruh negara dan TNB turut menubuhkan Unit Kutipan Hasil untuk membanteras operasi kecurian.

"Setiap kes yang menimbulkan kejanggalan bil tarif akan disiasat dengan teliti dan turut memanggil penduduk yang terlibat untuk rundingan lanjut dan jika mereka enggan untuk membayar jumlah yang dicuri, pihaknya akan mengenakan tindakan lanjut," katanya.